

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**

**[PENAMPANG]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengurangkan kos-kos perubatan bagi warga emas dan/atau orang kurang upaya dan sekiranya Kementerian akan menggubal satu akta yang dikenali sebagai *Universal Health Insurance Scheme* sepetimana yang digubal di Singapura baru-baru ini.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagai tanda keprihatinan dan komitmen berterusan Kerajaan dalam menjaga kebijakan warga emas, Kerajaan telah pun memberikan pengecualian caj pendaftaran sebanyak RM1.00 di Jabatan Pesakit Luar Am dan RM5.00 di Jabatan Pesakit Luar Pakar. Selain itu, mereka juga diberikan pengurangan caj pesakit kelas 3 sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan di hospital. Manakala bagi pesakit OKU, semua caj perubatan dikecualikan bagi rawatan pesakit luar dan wad kelas 3. Sehingga kini belum ada cadangan untuk memperkenalkan skim insuran universal kepada semua penduduk.